

# PROGRAM

## KONFEREN KEBANGSAAN AMALAN TERBAIK PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA 2016 TH HOTEL & CONVENTION CENTRE

### ATURCARA

9.00 PAGI | PEMBENTANGAN 1



**Prof. Dato' Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila**  
*'Amalan Terbaik Inovasi dan Penyelidikan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Bertaraf Dunia'*

Universiti Putra Malaysia (UPM) memegang rentetan sejarah terlung dalam mempelopori penyelidikan dan inovasi negara yang sungguh membanggakan dengan naungan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Tegar di bawah kepimpinan beliau, pembangunan aktiviti penyelidikan berimpak tinggi teras ditingkatkan ke arah tanda aras Universiti bertaraf dunia melalui pembudayaan penyelidikan, pembangunan pengkomersialan dan hasil penyelidikan (R&D&C) berkualiti.

12.00 PAGI | PEMBENTANGAN 3



**Encik Naser bin Jaafar**  
*'Inovasi PBT dan Sektor Awam :  
Impak Amalan Terbaik dan Cabaran'*

Berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of North Texas State University, Amerika Syarikat pada 1987, Encik Naser bin Jaafar mempunyai pengalaman selama 22 tahun dengan Bank of America Merrill Lynch Malaysia dan pernah berkhidmat di cawangan bank tersebut di Singapura dan Jakarta. Beliau merupakan Ketua Pegawai Operasi di Agensi Inovasi Malaysia sekarang ini. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Bersama dengan Majlis Sains dan Penyelidikan Negara di dalam Sekretariat Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam yang bertanggungjawab memantau dan menyelaras semua dana awam bagi aktiviti Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (R&D&C). Encik Naser bersama pasukannya telah memperoleh pelbagai kejayaan melalui inovasi yang berimpak tinggi, berinovatif serta membawa perubahan terhadap pasaran.

2.40 PETANG | PEMBENTANGAN 5



**Datuk Bandar Kota Dumingag, Filipina**  
*'One World Award Winner ; Best Practices of Dumingag'*

Mr Nacionceno M. Pacaloga Jr. Merupakan Datuk Bandar Dumingag di Daerah Zamboanga del Sur, Filipina. Pemenang One World Award 2012 Germany ini telah memperkenalkan komuniti Dumingag dengan penanaman pelbagai jenis tanaman dan sayuran secara organik. Pendekatan turun padang dan penglibatan bersama komuniti telah mengubah ekonomi penduduk dan berjaya mentransformasikan komunitinya supaya mesra alam sekitar. Selain itu, menerusi penglibatan komuniti yang jitu juga telah membolehkan Dumingag melaksanakan Larangan Merokok dan Larangan Berjudi. Seajar dengan saranan kepada semua PBT di Malaysia untuk melaksanakan Garis Panduan Program Kejiranan Hijau, amatlah bersesuaian jika amalan Dumingag ini dapat dijadikan inspirasi untuk perancangan, ketekunan dan kesabaran dalam membentuk komuniti yang sempurna di sesebuah Bandar.

# 30 MEI 2016

11.00 PAGI | PEMBENTANGAN 2



**YBhg. Dato' Dr. Ab Rahman bin Awang**  
*'Transformasi PBT Dihati Rakyat : Pelan Amalan Terbaik Masa Depan'*

Pelan Transformasi PBT adalah satu inisiatif untuk melonjakkan kualiti penyampaian perkhidmatan PBT bagi menepati kepuasan pelanggan dan para penduduk. Pelan ini telah dilancarkan oleh pihak KPKT untuk memenuhi kehendak pelanggan dengan beberapa Program Berimpak Tinggi. Selaku Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YBhg. Dato. Dr. Ab Rahman bin Awang akan mengupas isu transformasi ini dengan lebih lanjut.

2.00 PETANG | PEMBENTANGAN 4



**Dr. Bernadia Irawati Tjandradewi**  
*'Best Practices of Local Government Leads To A Better Development'*

Dr. Bernadia Irawati Tjandradewi merupakan Setiausaha di United Cities and Local Governments, Asia Pacific (UCLG ASPAC), suatu organisasi bertaraf Antarabangsa yang bermisi untuk mempromosikan nilai-nilai, tujuan dan kepentingan melalui kerjasama antara pemerintah di dalam konteks komunikasi yang lebih meluas. Dr. Bernadia memperoleh dua ijazah sarjana iaitu Ijazah Sarjana Atmosfera Fizik dari Universiti Nagoya, Jepun dan Ijazah Sarjana Polisi Awam dari Universiti Singapura. Beliau juga mendapat pendidikan hingga ke peringkat PhD dalam Urban Engineering dari Universiti Tokyo, Jepun. Dr. Bernadia telah berkhidmat dalam bidang ini lebih dari 15 tahun dan mempunyai kepakaran yang tinggi dalam amalan terbaik untuk membina kerajaan tempatan yang efektif dari semua aspek. Dr. Bernadia seringkali menekankan di dalam forum-forum dan ceramah yang dihidrinya bahawa, kerajaan tempatan merupakan mekarnya yang paling utama dan berkesan dalam mentransformasikan penduduk dan komuniti.

3.30 PETANG | PEMBENTANGAN 6



**Y.Bhg Prof. Dr. Nasrudin bin Abd Rahim, (UMPEDAC),  
Universiti Malaya**

*'Penjanaan Ekonomi PBT Dalam Teknologi Solar  
untuk Amalan Terbaik Teknologi Hijau, UMPEDAC - Universiti Malaya'*

Berkelulusan PhD dari Heriot-Watt University, Edinburgh, Scotland, Prof. Dr. Nasrudin sedang berkhidmat sebagai Pengarah & Pengasas Pusat Kecemerlangan HICOE, Um Power Energy Dedicated Advanced Centre (UMPEDAC) di Universiti Malaya. Berkemahiran dalam Teknologi Solar, Renewable Energy dan Teknologi Hijau, Prof. Dr Nasrudin telah berjaya dalam pelbagai kejayaan yang dikecapi beliau di peringkat antarabangsa dan dalam negara seperti Anugerah Juruteknologi Negara 2013 MOSTI, Ahli Jawatankuasa bagi Majlis Profesor Negara 2013-2014, Penceramah jemputan di Simposium Kyoto Universiti ke-18 di Jepun serta kejayaan-kejayaan lain.